

LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS (KKPI) 2013/2014

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi

KKPI.....m/s 2

Latarbelakang, Misi &

Objektif.....m/s 4

Ahli Jawatankuasa Induk

KKPI.....m/s 5

Ahli Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja (Sub-Working

Committees).....m/s 6

Laporan Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Pangkalan

Data.....m/s 9

Laporan Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Polisi dan Standard Perpustakaan

..... m/s 10

Laporan Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Kolaborasi dan

Pembangunan.....m/s 11

PERUTUSAN PENERUSI KKPI

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS (KKPI) telah mencapai usia dua tahun dan masih berdiri teguh disebabkan sokongan dari pustakawan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

Saya secara peribadi merasakan KKPI telah mencapai objektif penubuhannya untuk menyatukan semua perpustakaan IPTS di Malaysia dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat bersama.

KKPI telah berjaya menjadi *platform* dalam menyalurkan pandangan bagi isu-isu yang berkaitan dengan perpustakaan akademik IPTS kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Di awal tahun penubuhan, KKPI telah berjaya mengadakan kerjasama dengan PERPUN dari segi perkongsian *platform* dan maklumat bahan melalui MyThesis Online. Disamping itu juga wakil KKPI telah menghadiri bengkel Piawaian/Standard Perpustakaan Akademik Malaysia dan telah menyumbang secara aktif dalam penyediaan draf piawaian tersebut.

Bagi tahun yang kedua, KKPI telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengenai konsortium pangkalan data di peringkat kebangsaan. PNM telah menggalakan perpustakaan IPTS mengakses bahan-bahan digital yang ada di PNM. Latihan secara percuma untuk pustakawan IPTS juga telah dianjurkan oleh PNM.

Cadangan untuk mengadakan konsortium bagi pangkalan data komersil masih dipergiatkan pada tahun 2014. Beberapa pembekal dan penerbit telah dihubungi untuk mendapatkan cadangan pembentukan konsortium tersebut. Satu sesi perbincangan dengan pustakawan IPTS dengan pembekal akan diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan ini.

Penganjuran *Library Innovation Talk 2014* yang julung kali diadakan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kedua merupakan salah satu lagi usaha dalam menggalakan pustakawan IPTS berkongsi ilmu dan pengalaman untuk kepentingan bersama.

Semestinya, banyak lagi aktiviti-aktiviti yang perlu kita jalankan bersama di KKPI di masa yang akan datang. Oleh yang demikian, saya berharap semua ahli-ahli KKPI dapat menyumbangkan tenaga, masa dan ide bagi memastikan aktiviti-aktiviti tersebut berjaya dilaksanakan.

Pengkongsian maklumat atau berita juga boleh didapati di laman sesawang KKPI (<http://kkpi.unitar.my>) dan juga melalui Facebook KKPI. Saya juga berharap ahli-ahli akan memberikan cadangan dan pandangan khususnya pada Mesyuarat Agung ini bagi memastikan KKPI ini terus bergerak dengan jayanya.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan Bahagian Governan IPTS, Kementerian Pendidikan kerana memberi sokongan ke atas penubuhan KKPI. Tidak lupa juga, semua rakan-rakan dari perpustakaan IPTS yang telah banyak berkorban masa dan tenaga dalam membantu KKPI.

Sekian.

Azman Bin Abdul Rahim
Pengerusi KKPI

LATARBELAKANG, MISI & OBJEKTIF

Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS (KKPI) ditubuhkan sebagai platform rasmi bagi membincangkan isu-isu berkaitan perpustakaan dan kepustakawanan IPTS. Objektif penubuhan KKPI adalah mewujudkan kolaborasi, perkongsian sumber dan ide, kepakaran dan perkhidmatan antara perpustakaan-perpustakaan IPTS.

Pada mesyuarat penubuhan KKPI yang pertama di adakan di INCEIF pada 13 April 2012, mesyuarat telah bersetuju bahawa semua perpustakaan universiti dan kolej swasta yang diiktiraf oleh MOHE adalah ahli KKPI dan keahlian adalah secara automatik. KKPI diharapkan menjadi platform yang baik dalam menyuarakan isu dan masalah yang berkaitan dengan mereka.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Bahagian Governan IPTS, MOHE menjadi ahli tetap di dalam KKPI. Selain selaku penasihat kepada KKPI, kedua-dua pihak ini diharapkan dapat bertanggungjawab menyampaikan isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh perpustakaan dan pustakawan IPTS kepada pihak berwajib.

Pada awal penubuhan, PNM telah menetapkan bahawa terma "Kumpulan Kerja" (working group) mestilah digunapakai pada nama kumpulan ini. Bertitik tolak daripada itu mesyuarat telah bersetuju untuk menggunapakai nama kumpulan ini sebagai "Kumpulan Kerja Perpustakaan IPTS" (Working Group for Private Institution of Higher Education (PIHE) Libraries).

AHLI JAWATANKUASA INDUK KUMPULAN KERJA PERPUSTAKAAN IPTS SESSI 2013/2014

Penasihat bagi jawatankuasa adalah Perpustakaan Negara Malaysia dan Bahagian Governan IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE). Bertitik tolak dari Mesyuarat Agung Kali Pertama KKPI pada 14 Jun 2013 yang lalu, berikut adalah senarai ahli jawatankuasa baru yang dipilih bagi sesi 2013/2014 :

1. Azman Abdul Rahim (Pengerusi) (UNITAR International University)
2. Thami Munisah Mohamed Yusoff (Asia e-University)
3. Azenita Abdullah (International Center for Education in Islamic Finance (INCEIF))
4. Jason Andrew Polko (Kuala Lumpur Infrastructure University)
5. Zuhariah Mohd Nordin (International Medical University)
6. Norhana Mohd Taha @ Talhah (Universiti Tun Abdul Razak)
7. Fauziah Abdullah (Monash University)
8. Uma Mageswary (Universiti Tunku Abdul Rahman)
9. Annette Wilson (Universiti Tunku Abdul Rahman)
10. Lee Hui Ken (Universiti Tunku Abdul Rahman)
11. Hanifah Trukey (International Islamic College)
12. Wakil dari Perpustakaan Negara Malaysia – Penasihat / Ahli Tetap
13. Wakil dari Bahagian Governan IPTS, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) – Penasihat / Ahli Tetap
14. Kamariah Ramli – Setiausaha (UNITAR International University)

*Puan Siti Salbiah Raduan, bekas Pengarah Pusat Pengurusan Ilmu INCEIF adalah merupakan Pengerusi pertama bagi Ahli Jawatankuasa induk KKPI dari 13 April 2012 sehingga 15 Jun 2012.

AHLI JAWATANKUASA KECIL KUMPULAN KERJA (SUB-WORKING COMMITTEES):

Adalah dipersetujui bahawa tugas AJK berdasarkan pengkhususan kerja dan setiap AJK yang dilantik akan memilih kumpulan kerja mereka sendiri. Oleh itu 4 jawatankuasa kecil kumpulan kerja telah ditubuhkan berdasarkan pengkhususan kerja masing-masing :

A) Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Polisi dan Standard

1. Thami Munisah Mohamed Yusoff (Ketua)
2. Azman Abdul Rahim
3. Zuhanariah Mohd Nordin
4. Fauziah Abdullah
5. Jason Andrew Polko

Objektif :

Merangka cadangan bagi garis panduan dan standard minimum untuk digunapakai oleh semua perpustakaan IPTS yang terbabit. Garis panduan dan standard baru ini diharapkan dapat menjadi penanda aras dan panduan bagi perpustakaan IPTS dalam membangunkan sumber dan perkhidmatan di institusi masing-masing disamping memberikan satu justifikasi bagi semua perpustakaan IPTS tidak kira saiz dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Skop :

Garis panduan ini diharap dapat membantu perpustakaan IPTS dalam menangani isu dari segi perspektif yang berikut :

1. Koleksi bahan maklumat
2. Pekerja (bilangan pekerja professional dan bukan professional)
3. Perkhidmatan perpustakaan bagi perpustakaan akademik
4. Belanjawan berdasarkan saiz institusi
5. Akses kepada sumber teknologi maklumat

B) Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Kolaborasi, Perkhidmatan Baru dan Pembangunan

1. Norhana Mohd Taha (Ketua)
2. Zuhanariah Mohd Nordin
3. Fauziah Abdullah
4. Hanifah Trukey

Objektif:

Untuk mempromosikan kolaborasi bagi sumber maklumat, kepakaran dan perkhidmatan perpustakaan di antara perpustakaan IPTS.

Skop:

1. Perkongsian sumber atas talian dan bahan-bahan monograf
2. Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (Interlibrary loan) dan dokumen penghantaran
3. Perkongsian maklumat, kepakaran dan amalan terbaik di antara perpustakaan IPTS
4. Kolaborasi dengan organisasi yang lain seperti PERPUN, PNM dan PPM.
5. Membangunkan laman sesawang KKPI di mana kandungannya sepertimana yang berikut :
 - 5.1 Senarai hadiah dan pertukaran
 - 5.2 Direktori perpustakaan IPTS
 - 5.3 Minit mesyuarat
 - 5.4 Senarai vendor
 - 5.5 Senarai kursus dan bengkel

C) Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja “Benchmarking”

Masih dalam kekosongan. Pada Mesyuarat Agung Kali Pertama 2013 yang lalu mesyuarat telah mencadangkan Puan Suzana Hamzah dari MSU sebagai ketua jawatankuasa ini.

D) Jawatankuasa Kecil Kumpulan Kerja Pangkalan Data dan Konsortium

1. Annette Wilson (Ketua)
2. Uma Mageswary
3. Lee Hui Ken

Objektif :

1. Untuk mewujudkan satu konsortium langganan pangkalan data
2. Untuk berkolaborasi dan mempromosikan perkongsian sumber bagi pangkalan data komersil di antara perpustakaan IPTS

Skop :

1. Merangkumi semua perpustakaan IPTS
2. Mendapatkan harga istimewa bagi langganan pangkalan data melalui konsortium
3. Menyemak lesen kandungan elektronik
4. Menyediakan latihan bagi pangkalan data yang dilanggan

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUMPULAN KERJA PANGKALAN DATA

Melalui beberapa sesi perjumpaan pada tahun ini, berikut adalah tindakan yang telah dilakukan oleh ahli jawatankuasa berhubung dengan penubuhan konsortium :

1. Menghubungi penerbit dan vendor dari Sage, Elsevier, Cambridge University Press, Wiley, Proquest dan Access Dunia. Access Dunia ada mengusulkan cadangan bagi penubuhan konsortia dan akan dibincangkan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kedua KKPI 2014 pada 26 August 2014.
2. Melalui mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kumpulan Pangkalan Data bersama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 16 Disember 2013, Encik Azman sebagai wakil dari KKPI telah mengusulkan kolaborasi perkongsian akses pangkalan data seperti berikut :

2.1 Pembentukan Konsortium di Peringkat Kebangsaan bagi pangkalan data komersil utama. Ahli consortium bukan hanya daripada PNM dan perpustakaan IPTS tetapi juga dari IPTA dan juga institusi penyelidikan

Maklum balas PNM : Mesyuarat telah mengambil maklum dan perhatian kepada perkara ini untuk tindakan lanjut.

2.2 PNM sebagai peneraju memperluaskan langganan Pangkalan Data Komersil yang sedia ada kepada perpustakaan IPTS

Maklum balas PNM : YBhg. Dato' Ketua Pengarah PNM memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat bahawa semua pangkalan data yang dilanggan PNM boleh di akses dan digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk pelajar IPTS. Dato' Ketua Pengarah PNM mensyorkan supaya IPTS membuat pautan kepada Portal PNM Digital bagi membolehkan pelajar IPTS mendaftar sebagai ahli PNM Digital serta menggunakan semua pangkalan data yang terdapat di dalam PNM Digital

2.3 PNM melanggan kepada pangkalan data komersil utama melalui kaedah Perlesenan Kebangsaan (National Licensing)

Maklum balas PNM : YBhg. Dato Ketua Pengarah memaklumkan bahawa cadangan Perlesenan Kebangsaan boleh dilaksanakan sekiranya semua pustakawan di Malaysia (IPTA, IPTS) dapat memberi sokongan yang sepenuhnya kepada PNM dan mempunyai halatuju yang sama dengan PNM iaitu menyampaikan maklumat kepada seluruh rakyat Malaysia.

TP BRSP memaklumkan bahawa sehingga kini terdapat empat (4) consortium yang terlibat dalam perkongsian pangkalan data iaitu :

- i) Konsortium Akademik
- ii) Konsortium PNM
- iii) Konsortium Perubatan
- iv) Konsortium Perundangan

3. PERPUN turut berhasrat menubuhkan consortium yang melibatkan IPTS

Perkara ini masih dalam peringkat awal perbincangan. Ketua Pustakawan Universiti Malaysia Perlis akan menjemput wakil IPTS untuk perbincangan lanjut.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUMPULAN KERJA POLISI DAN STANDARD PERPUSTAKAAN

Ketua jawatankuasa kecil, Puan Thami Munisah bersama-sama dengan pengerusi KKPI telah mewakili KKPI menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Standard Perpustakaan Universiti pada 18 Februari 2013 di UPM dan 25 Mac 2013 di Universiti Teknikal Melaka bagi merangka draf piawaian perpustakaan IPTA dan IPTS. Pada bengkel tersebut satu draf piawaian perpustakaan universiti merangkumi IPTA dan IPTS telah dihasilkan. Draf tersebut telah dikemukakan kepada PERPUN dan PPM untuk diserahkan kepada pihak MQA bagi tindakan lanjut.

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUMPULAN KERJA KOLABORASI DAN PEMBANGUNAN

1. Melalui mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kumpulan Pangkalan Data bersama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada 16 Disember 2013 juga, YBhg. Dato' Ketua Pengarah PNM meminta TP BPD mengadakan sesi taklimat berkaitan penggunaan pangkalan data dalam Portal PNM Digital kepada semua Pustakawan IPTS bagi tujuan latihan dan kerjasama.

Untuk itu, PNM melalui kerjasama KKPI telah mengadakan satu bengkel yang bertajuk **Sumber Elektronik @PNMDigital** yang telah diadakan pada 18 Ogos 2014. Seramai 32 orang pustakawan IPTS telah menghadiri bengkel selama satu (1) hari ini.

2. Melalui laman sesawang KKPI (kkpi.unitar.my) yang di tadbir oleh Knowledge Management Centre (KMC), Unitar International University, maklumat semasa mengenai sebarang latihan/seminar/bengkel dalam bidang kepustakawanan senantiasa di kemaskini. Direktori IPTS dan vendor juga di senaraikan di dalam laman sesawang ini bagi tujuan rujukan perpustakaan IPTS.

3. Akaun Facebook KKPI telah dibuka pada bulan April 2014, sebagai saluran bagi pustakawan di IPTS bertukar pandangan, berkolaborasi dan berkongsi idea bagi isu-isu yang berkaitan dengan perpustakaan akademik khususnya. Akaun FB KKPI dikelolakan oleh pihak INCEIF.

4. PNM turut memaklumkan ada menawarkan akses kepada OCLC pada bulan Februari 2014.